



## **PAMB, PruBSN sahkan terkesan insiden keselamatan siber MOVEit**

Jun 13, 2023 @ 11:20pm

KUALA LUMPUR: Prudential Assurance Malaysia Bhd (PAMB) dan Prudential BSN Takaful Bhd (PruBSN) mengesahkan terkesan secara global dengan serangan kecurian data dan penyalahgunaan "zero-day vulnerability" pada perisian MOVEit.

Kedua-dua syarikat insurans itu memaklumkan, pihak mereka mengambil tindakan segera untuk mengasingkan 'pelayan' (server) yang terjejas sebaik menyedari mengenai insiden itu.

Pada masa sama, kata mereka, pasukan tindak balas insiden melancarkan siasatan dan pemantauan yang menyeluruh serta memaklumkan kejadian itu kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

"Terdapat kemungkinan besar antara data peribadi ejen dan pelanggan yang terjejas membabitkan nama, nombor telefon, nombor kad pengenalan dan / atau sebahagian maklumat kad kredit yang memungkinan risiko transaksi tanpa kebenaran.

"Siasatan masih giat dijalankan. Sebagai makluman, kami sedang berusaha untuk mengesahkan perkara ini secepat mungkin," menurut kedua-dua syarikat itu dalam satu kenyataan bersama, hari ini.

PAMB dan PruBSN berkata, mereka sentiasa menyemak dan mengemas kini sistem keselamatan serta bertindak pantas untuk mengawal serangan perisian MOVEit.

Syarikat itu mengambil langkah segera memaklumkan perkara ini kepada pelanggan yang terjejas dan menyediakan talian hotline khusus untuk dihubungi pelanggan yang mahukan maklumat lanjut mengenai kejadian itu.

"Perniagaan kami kekal beroperasi sepenuhnya dan tiada sebarang kesan ke atas operasi pelanggan," kata kenyataan itu.

Pelanggan yang mahukan maklumat terkini boleh melayari [www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my) atau [www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my). - BERNAMA